Sinar harian
suara cakna komuniti anda

HARI : AHAD
TARIKH : 21/7/2019
M/SURAT : 21

KPDNHEP bongkar sindiket pindah gas LPG secara haram

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor menyerbu sebuah premis yang menjalankan kegiatan pemindahan gas petroleum cecair (LPG) secara haram di Jalan Kuan Poh Fatt, Kawasan Perindustrian Kampung Baru Balakong, Sri Kembangan Selangor kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, dalam serbuan sekitar jam 1 petang itu, 198 unit tong LPG berkapasiti 14 kilogram (kg), 82 tong LPG (50kg), satu tong LPG (12kg), 280 tong LPG kosong dan dua lori dirampas dan disita.

FOTO: KPDNHEP SELANGOR

Serbuan dilakukan ke atas sebuah premis di Jalan Kuan Poh Fatt, Kawasan Perindustrian Kampung Baru Balakong, Sri Kembangan Selangor kelmarin.

Menurutnya, seorang pekerja tempatan dan dua warga asing berusia antara 20 hingga 30 tahun turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Siasatan lanjut mendapati premis itu beroperasi tanpa lesen hampir setahun berdasarkan maklumat awam serta hasil risikan.

"Anggaran semua rampasan berjumlah RM107,209.60," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Muhamad Zikril berkata, sindiket itu mengaut keuntungan yang tinggi hasil mencuri gas daripada tong LPG 14kg yang diberi subsidi kepada isi rumah.

Katanya, modus operandi digunakan dengan memindahkan gas daripada tiga tong LPG 14kg bersubsidi ke dalam sebuah tong gas LPG industri 50kg, kemudian menjualnya kepada industri," katanya.